

Jabatan Perkhidmatan Awam  
Malaysia,  
Tingkat 9-14, Bangunan U.M.B.C.  
Jalan Sulaiman,  
Kuala Lumpur.

20hb. Julai, 1973.

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 17 TAHUN 1973**

**Lesen memandu bagi drebar-drebar dan  
pekerja-pekerja yang dikehendaki  
memandu kenderaan-kenderaan dan  
jentera-jentera Kerajaan**

Saya diarah menarik perhatian kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 10 Tahun 1973 bertarikh 22hb. Mei, 1973 yang menyatakan bahawa mulai dari tarikh pengeluaran Surat Pekeliling itu, lesen memandu bagi drebar-drebar dan pekerja-pekerja yang ditugaskan untuk memandu kenderaan-kenderaan Kerajaan yang memerlukan pemandunya mempunyai lesen pemandu yang sah akan dibaharui dengan perbelanjaan Kerajaan apabila sampai masanya bagi lesen-lesen itu untuk dibaharui.

2. Dengan ini adalah dijelaskan iaitu istilah 'kenderaan-kenderaan Kerajaan' itu adalah termasuk semua jentera jentera Kerajaan seperti traktor, kren, steam-roll, forklift, dan lain-lain jentera yang memerlukan pemandunya mempunyai lesen pemandu yang sah. Belanja bagi membaharui lesen memandu kenderaan-kenderaan dan jentera-jentera Kerajaan itu hendaklah dibayar oleh Jabatan yang mempunyai dan menggunakan kenderaan-kenderaan atau jentera-jentera itu.

3. Berhubung dengan perenggan akhir dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 tahun 1973, maksud yang sebenarnya ialah lesen-lesen itu bukannya akan ditarik balik tetapi tidak akan dibaharui lagi oleh Kerajaan apabila seseorang pekerja itu berhenti kerja dengan Kerajaan atau pun tidak dikehendaki lagi memandu kenderaan-kenderaan atau jentera-jentera Kerajaan.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALEHUDDIN BIN AHMAD  
JALALUDIN)  
Bahagian Gaji  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Salinan Kepada: Yang Berhormat

Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,

Semenanjung Malaysia.